

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 5 JULAI 2014 (SABTU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>  | <b>Akhbar</b>     |
|------------|---|-------------------|
| 1          | Sabariah KSU baharu ganti Dr. Noorul  | Utusan Malaysia   |
| 2          | 2 TKSU kementerian dilantik KSU   | Harian Metro      |
| 3          | Kadar pertumbuhan PKS perlu dipertingkat: Najib                                   | Berita Harian     |
| 4          | Najib umum empat lagi HIP tingkatkan kadar pertumbuhan PKS kepada 9.3 peratus     | Bernamea.com      |
| 5          | Don: Manage water efficiently   | New Straits Times |
| 6          | 'Set up research hub to avoid overlapping studies'                                | New Straits Times |
| 7          | Expert: Act now to avert water crisis   | New Straits Times |
| 8          | Cadangan tubuh Pusat Sains Air  | Berita Harian     |
| 9          | Penubuhan ICSC Petronas – Yayasan Sabah<br>Komitment pulihara Alam Sekitar - Musa | Bernamea.com      |
| 10         | Gambar: SIRIM   | Berita Harian     |

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3**  
**TARIKH : 5 JULAI 2014 (SABTU)**

**Sabariah KSU  
baharu ganti  
Dr. Noorul**

KUALA LUMPUR 4 Julai  
- Datuk Sabariah Hassan dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang baharu menggantikan Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur berkuatkuasa Isnin ini.

Noorul Ainur pula bertukar sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menggantikan Datuk Dr. Rosli Mohamed yang memulakan cuti sebelum bersara secara pilihan berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam satu kenyataannya berkata, pelantikan tersebut berupaya menjana perspektif, pendekatan serta inisiatif baharu dalam menggerakkan kreativiti dan inovasi.

“Kementerian yakin, segala pencapaian sekarang akan diteruskan oleh Sabariah selaras dengan visi kementerian untuk memberi khidmat kepada kumpulan sasar dengan sebaik mungkin,” katanya di sini hari ini.

Sabariah, 57, yang merupakan lulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Kesihatan dari Universiti Birmingham, United Kingdom memulakan tugas sebagai penjawat awam pada 1 Disember 1981 selaku Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD).

Jawatan terakhir beliau sebelum dilantik Ketua Setiausaha ialah sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang disandang bermula 20 September 2011.

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 44  
TARIKH: 5 JULAI 2014 (SABTU)**

## **2 TKSU kementerian dilantik KSU**

**Kuala Lumpur:** Dua Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) kementerian iaitu Datuk Sabariah Hassan dan Datuk Mohd Arif Ab Rahman dilantik sebagai Ketua Setiausaha (KSU) berkuat kuasa Isnin ini.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa berkata KSU Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur pula dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berkuat kuasa pada tarikh yang sama.

Noorul Ainur, 56, menggantikan Datuk Dr Rosli Mohamed yang memulakan cuti sebelum bersara pilihan, katanya dalam ke-

nyataan di sini semalam.

Beliau berkata Sabariah, yang juga Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM dilantik sebagai KSU baharu kementerian berkenaan.

Sabariah, 57, lulusan Ijazah Sarjana Sains Sosial dalam bidang Pengurusan Kesihatan dari University of Birmingham, United Kingdom, menggantikan Noorul Ainur.

Sementara Mohd Arif, 57, Timbalan TKSU (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dilantik sebagai KSU kementerian itu menggantikan Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah yang memulakan cuti sebelum bersara pilihan. - BERNAMA



# Kadar pertumbuhan PKS perlu dipertingkatkan: Najib

» 4 Program Berimpak Tinggi dilaksana capai KDNK 41 peratus menjelang 2020

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

**K**adar pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) perlu ditingkatkan kepada 9.3 peratus setahun berbanding 6.3 peratus sekarang bagi mencapai sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 41 peratus pada tahun 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata bagi mencapai matlamat itu, empat Program Berimpak Tinggi (HIP) akan dilaksanakan dalam tempoh beberapa tahun secara berperingkat, selain peningkatan produktiviti oleh PKS melalui pembangunan bersifat inovasi dan penggunaan pengetahuan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata program diterajui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp) itu turut mewujudkan tetingkap tunggal untuk PKS membuat pendaftaran, selain memohon lesen perniagaan yang diperlukan.

"Program Pelaburan PKS juga akan ditingkatkan supaya tidak hanya membabitkan penyediaan dana oleh kerajaan, sebaliknya turut menggalakkan sumbangan dana daripada sektor swasta untuk pembangunan PKS. Melalui Program GoEx, kita menggalakkan



Najib pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Yang turut hadir Mustapa dan Zeti Akhtar. (FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

eksport bagi melonjakkan penyertaan PKS di pasaran antarabangsa.

## Bantu syarikat PKS

"Di bawah Program Pemangkin, kita akan kenal pasti dan mempromosi beberapa syarikat PKS setiap tahun yang boleh dibantu dan diberi galakan untuk menjadikan mereka juara tempatan. Kriteria menentukan syarikat PKS yang berpotensi tinggi ini adalah mereka mesti mencapai (peningkatan) jualan tahunan minimum 20 peratus.

"Melalui inisiatif ini, kita dapat capai kadar pertumbuhan lebih tinggi secara keseluruhan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Ke-16 di Perdana Putra, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Najib berkata, bagi tempoh

antara tahun 2006 hingga tahun 2013, PKS sudah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan 6.3 peratus lebih tinggi daripada pertumbuhan purata ekonomi keseluruhan iaitu sebanyak 4.7 peratus.

Katanya, pada tahun ini kadar pertumbuhan PKS dijangka terus berkembang di antara 5.5 dan 6.5 peratus dan sasaran 9.3 peratus setahun mampu dicapai secepat mungkin melalui inisiatif yang dilaksanakan.

Dalam perkembangan sama, Najib memaklumkan mesyuarat semalam turut bersetuju mengukuhkan tiga model ker-

jasama strategik berkaitan produktiviti dan inovasi sebagai Pusat Sehenti bagi pengkomersialan dan perkhidmatan PKS.

Katanya, kerjasama berkenaan membabitkan SME Corp dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Fraunhofer Institute dan SIRIM Berhad serta Steinbeis Institute dan Agensi Inovasi Malaysia.

## Perkukuh peranan PKS

Selain itu, katanya, sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun depan, Malaysia akan memberi tumpuan untuk memperkukuhkan peranan PKS di rantau ini bagi menjadikan ASEAN sebagai satu komuniti ekonomi, pasaran tunggal dan asas pengeluaran tunggal.

"Secara purata, antara 95 dan 99 peratus perniagaan di negara ASEAN bersifat PKS, justeru amat penting untuk kita menghubungkan mereka (syarikat PKS) antara satu sama lain supaya berpeluang menjadikan ASEAN pasaran mereka," katanya.

## FAKTA NOMBOR

# 9.3 peratus

Sasaran kadar pertumbuhan PKS setahun





## **Najib Umum Empat Lagi HIP Tingkatkan Kadar Pertumbuhan PKS Kepada 9.3 Peratus**



PUTRAJAYA, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan empat program berimpak tinggi (HIP) di bawah Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi memacu kadar pertumbuhan PKS daripada 6.3 peratus kepada 9.3 peratus setahun.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata keempat-empat HIP itu ialah mewujudkan tettingkap tunggal berkaitan integrasi pendaftaran dan permohonan lesen perniagaan, Program Pelaburan PKS, Program Going Export (GoEx) dan Program Pemangkin yang akan dilaksanakan secara berperingkat dalam beberapa tahun akan datang.

Beliau berkata Pelan Induk PKS, yang bermula pada 2012, bermatlamat untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), guna tenaga dan eksport mencapai sasaran 41 peratus pada tahun 2020.

"Ini bererti bahawa untuk tahun-tahun akan datang, kadar pertumbuhan PKS perlu ditingkatkan daripada 6.3 peratus kepada 9.3 peratus setahun. Kalau PKS berkembang pada kadar biasa atau 'business as usual', kita tidak akan dapat mencapai sasaran itu.

"Oleh itu, Majlis (Pembanguann PKS Kebangsaan) menetapkan beberapa langkah positif yang perlu lakukan segera bagi meningkatkan kadar pertumbuhan PKS melalui inovasi, produktiviti dan peningatan tahap pengetahuan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Ke-16 di sini Jumaat.

Mesyuarat yang diadakan dua kali setahun itu dihadiri oleh Menteri dan Ketua Agensi daripada 16 Kementerian/Agensi termasuk dari Sabah dan Sarawak yang terlibat dalam program pembangunan PKS di negara ini.

Najib berkata usaha mewujudkan tetingkap tunggal membolehkan PKS membuat pendaftaran dan permohonan lesen untuk pelbagai aktiviti perniagaan dan juga meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan dan mengurangkan kos urus niaga.

Bagi Program Pelaburan PKS, beliau berkata ia melibatkan penyediaan dana dan juga menggalak swasta untuk menyumbang dan menyediakan dana untuk PKS.

Beliau berkata di bawah Program GoEx, kerajaan akan menggalakkan eksport bagi melonjakkan penyertaan PKS di pasaran antarabangsa.

"Di bawah Program Pemangkin, kita akan mengenal pasti beberapa buah PKS setiap tahun dan kita akan bantu serta memberi galakkan untuk menjadikan mereka ini sebagai home-grown champion dengan kriteria syarikat PKS perlu mencapai peningkatan jualan tahunan 20 peratus minimum," katanya.

Beliau menambah bahawa HIP ini akan diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan SME Corp.

Sementara itu, Najib berkata tiga kerjasama strategik berkaitan produktiviti dan inovasi akan diadakan untuk memperkukuhkan kadar pertumbuhan PKS termasuk kerjasama SME Corp dan [Malaysian Technology Development Corporation \(MTDC\)](#) serta kerjasama universiti dan industri PKS.

Selain itu, beliau berkata kerjasama Fraunhofer Institute Germany dengan [SIRIM Berhad](#) serta Steinbeis Institute dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM)

"Dengan kerjasama strategik ini, penguasaha PKS boleh mendapatkan bantuan untuk pengkomersilan proudk dan perkhidmatan PKS ," katanya.

Sementara itu, Najib berkata Malaysia sedia memperkukuhkan agenda PKS di Asean sebagai usaha untuk memajukan Asean sebagai komuniti ekonomik Asean dan mencapai 'pasaran tunggal, platform tunggal'.

Beliau berkata PKS merangkumi 95 hingga 99 peratus daripada jumlah syarikat dan pertubuhan perniagaan di rantau ini.

Sehubungan itu, beliau berkata Malaysia yang bakal menjadi pengerusi Persidangan Asean pada tahun depan akan menganjurkan satu Pameran PKS.

"Sehubungan itu, peranan PKS penting dan kita perlu membangunkan Asean sebagai sebagai komuniti ekonomi untuk mencapai pasaran tunggal dan asas pengeluaran tunggal. Kita perlu memastikan PKS diintegrasikan.

"Asean berdiri dengan sendiri, kita tidak akan memiliki kekuatan tetapi secara kolektifnya kita mempunyai penduduk 620 juta dan KDNK sebanyak US\$2.3 trilion, yang bermakna kita mempunyai kelebihan dari segi saiz untuk menggerakkan Asean ke arah pasaran tunggal," katanya.



Sementara itu, Najib berkata Malaysia hanya akan menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) sekiranya ia mengikut 'terma kita'.

"Kita akan meneruskan (rundingan) atas dasar berkenaan dan ia akan menjadi rundingan yang sukar tetapi kita akan melakukan yang terbaik," kata beliau semasa diminta mengulas mengenai laporan bahawa kelembapan ekonomi di China akan menambah tekanan kepada Malaysia dalam rundingan TPPA.

-- BERNAMA

# Don: Manage water efficiently

**KUALA LUMPUR:** Malaysia's water rate is among the lowest in the world, but this had implications.

International Institute for Applied Systems Analysis director-general and chief executive officer Professor Dr Pavel Kabat said the global issue of water management had led to research being done on influencing factors, such as pricing, where Malaysia was found to be among the countries with the lowest price for water.

Speaking at the New Straits Times-Academy of Sciences Malaysia Insight series focusing on the issue of Malaysia's water future yesterday, Pavel said water was a commodity that must not be misused and properly managed.

"It is fast becoming an enabling economic driver, whether we realise it or not. It is not a sector on its own but contributes to all sectors on a global scale."

He added that changing the water-price management of a country could have favourable effects.

"My homeland, the Netherlands, uses a differentiated price in water or direct pricing through taxing.

"It is a combined system of water-pricing, where part of the price comes from taxes, which varies among different levels of incomes."

He said the low water tariff might be a factor that led to Malaysians failing to practise proper water management.

In the long run, he said, this could lead to a combustible water crisis.

"If Malaysians cannot (realise) the true value of water, they will never appreciate it and misuse of water will be a norm across all households. People need to know that water is a valuable source of energy that we cannot live without," Pavel noted.

ASM fellow Dr Low Kwai Sim outlined some measures that the authorities should undertake for efficient water management.

The recommendations were contained in an article written by Dr Ahmad Ibrahim, which was published in the NST on June 12. Among others, Ahmad had written that the authorities must manage water resources in an integrated manner.

"There is already a National Water Resources Policy 2012 in the country containing nine thrust areas and 69 action plans to manage water resources in an integrated manner but

these are not fully rolled out yet. Once these are implemented, we can expect that our water resources will be managed efficiently and holistically.

"We also need to minimise wastage by effectively managing demand through various reductions such as using water-saving gadgets, recycling and reusing water in production processes, reducing use of non-revenue water, reducing illegal tapping of water and reducing wastage

of water by upgrading and replacing old and malfunctioning pipelines," Ahmad had said.

Other recommendations included minimising water pollution, diversifying sources of water and investing in research and development in technologies that can reduce the cost of supplying water.

Low said the processes would have its challenges.

"If we turn our challenges into opportunities, we will achieve our target in water management and contribute to national and economic growth. Investments in water management will benefit us for generations to come."

**"If Malaysians cannot (realise) the true value of water, they will never appreciate it."**

**Professor Dr Pavel Kabat**  
International Institute for Applied Systems Analysis director-general and chief executive officer

NST Digital Edition



For video, go to [subscription.nstp.com.my](http://subscription.nstp.com.my)



## 'Set up research hub to avoid overlapping studies'

**KUALA LUMPUR:** Malaysia should set up a water science centre for better and efficient water management in the future.

Academy of Sciences Malaysia fellow Dr Low Kwai Sim said it was timely for such a facility to be built to facilitate and integrate all water sciences and technologies in the country.

Speaking at the New Straits Times-Academy of Sciences

Malaysia Insight series focusing on Malaysia's water security here yesterday, Low said currently, efforts were diffused in various universities and research institutions, leading to researches overlapping.

"Overlapping researches have caused many parties to overlook the real water technologies and problems that the industries and SMEs (small and medium sized enterprises) can actually collaborate with in

short, middle and long term basis.

"ASM can facilitate this as a start."

She also expressed regret that water management had been left out of the government's National Key Economic Areas (NKEA).

"Water was parked under the utility component when the NKEAs were formed.

"Utility was classified as No. 16 on the list, where only the first 12 were selected as NKEAs."

"This is disappointing because water underpins all the other NKEAs and could generate so much investments through Entry Point Projects. Water should at least be classified as a national priority area."

She added that if water was made an NKEA, many jobs could be created with the emergence of new areas like water research and innovation cluster and coastal zone management.

Another ASM fellow, Professor Dr Zulkifli Yusop, said a ministry to manage water was unnecessary.

"What is necessary is the practise of check and balance in the present government bodies and departments to ensure smooth management of the resource.

"Above all, efficient implementation of existing water management policies must be carried out."





(From left) 'New Straits Times' managing editor (Business and Lifestyle) **Mustapha Kamil Mohd Janor**, IIASA director-general and chief executive officer Professor **Dr Pavel Kabat**, and ASM fellows **Dr Low Kwai Sim** and Professor **Dr Zulkifli Yusop** at the **Malaysia's Water Future: Assessment of Challenges and Opportunities** talk at the NST Theatre Hall yesterday. Pic by Azmaidi Abidin

# Expert: Act now to avert water crisis

**FLUID SITUATION:** 'Shortage could lead to global conflict'

**ZARINA ZAKARIAH  
AND AINA NASA**  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**M**ALAYSIA will face a water crisis by 2050 if conservation measures are not taken.

Experts raised the alarm during the talk "Malaysia's Water Future: Assessment of Challenges and Opportunities". About 200 participants attended the event, which was organised by the *New Straits Times*, the **Academy of Sciences Malaysia (ASM)** and International Institute for Applied Systems Analysis (IIASA) yesterday.

IIASA director-general and chief executive officer Professor Dr Pavel Kabat said massive water shortages might lead to global conflict.

"Water is a transnational issue and we need to realise that it is also a pressing one that needs to be triggered for development. Global trends in water are happening but we are not giving enough attention to it. We are running out of time."

On government policies to ensure sufficient water supply, Pavel said it should be a total government effort rather than an isolated

effort by a ministry.

"We are not calling for super-ministry efforts, but rather an enabling effort by all parties to work together to conserve water."

"Water can also be turned into investment opportunities, where many companies can and should offer services for water treatment and conservation"

Pavel said the world would need 30 to 40 per cent more water and if this was not taken seriously, mass water shortage would occur.

"The efforts, however, will have to take into account the budget allocation and the implementation strategies to be developed."

Asia, Pavel said, was the largest water consumer and the highest demand came from the agriculture sector, at 70 per cent of the total water supply.

ASM fellow Dr Low Kwai Sim said Malaysia had about 5,000 billion cubic metres of unexploited and unexplored ground water.

"Less than one per cent has been explored and we should take immediate steps to develop surface water resources, such as rainfall pattern. The water source is not scarce, it is just that we have not developed the water sources that are available and turn it into treated water."

"Rivers should also be treated and can be turned into tourism attractions, like the Malacca River."

Low stressed on the importance of integrated efforts by government agencies, the private sector and the public to appreciate the value of water.

"We need a centre or body that deals specifically on water issues so that a concerted effort can be carried out rather than isolated ones by several quarters, which will not be effective as the concerted one."

The National Water Resources Policy 2012 states that the security and sustainability of water resources was a national priority to ensure adequate and safe water for all through sustainable use, conservation and effective management of water resources.





KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIOANL) : MUKA SURAT 16  
TARIKH : 5 JULAI 2014 (SABTU)

MASA DEPAN AIR DI MALAYSIA: PENILAIAN MENGENAI CABARAN DAN PELUANG

# Cadangan tubuh Pusat Sains Air

» Hab berpusat perlu untuk kaji teknologi, dasar, tadbir urus

Oleh Lum Chee Hong  
lumch@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Felo Akademi Sains Malaysia (ASM), Dr Low Kwai Sim mencadangkan Pusat Sains Air ditubuhkan bagi menguruskan sumber air negara secara bersepadu.

Katanya, Malaysia ketika ini tidak mempunyai hab berpusat bagi tujuan berkenaan yang penting untuk membuat kajian mengenai sains, teknologi, dasar dan tadbir urus air.

"Dengan adanya hab ini, kita boleh kaji sains air, teknologi air, polisi air dan tadbir urus. Kita boleh bekerjasama dengan 22 universiti di negara ini untuk menubuhkan Pusat Sains Air," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel program 'New Straits Times (NST)-ASM - Masa Depan Air Di Malaysia: Penilaian Mengenai Cabaran dan Peluang' di Balai Berita, di sini semalam. Moderator program ialah Pengarang Urusan Business Times, Mustapha Kamil Mohd Janor.



Abdul Jalil menyerahkan cenderahati kepada Kabat (dua dari kanan) sambil diperhatikan Ahmad Tajuddin pada program NST-ASM - Masa Depan Air Di Malaysia: Penilaian Mengenai Cabaran dan Peluang' di Balai Berita, Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO AZMAJDI ABIDIN/BH]

Ahli panel lain ialah Ketua Pengarah merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Institut Antarabangsa bagi Analisis Aplikasi Sistem (IIASA), Prof Dr Pavel Kabat dan Felo ASM merangkap Dekan Perikatan Penyelidikan (RA) Air, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Zulkifli Yusop.

Yang turut hadir, Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NS-

TP), Datuk Abdul Jalil Hamid dan Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Kwai Sim berkata, Malaysia juga boleh menubuhkan sistem pengurusan lembangan sungai kerana negara ini mempunyai 189 sungai besar selain 90 tasik besar.

"Melalui pengurusan ini, kita dapat memulihkan sungai, contohnya sungai di Melaka dan da-

pat menarik kedatangan pelancong ke situ," katanya.

## Air minuman dari sungai

Sementara itu, Zulkifli berkata, ramai yang tidak tahu bahawa air yang diminum, sebenarnya datang dari sungai, bukan empangan.

"Selama ini, ramai yang anggap air datang dari empangan. Jadi, kita harus maklumkan ke-

pada orang ramai supaya tidak mencampakkan sampah sarap ke dalam sungai bagi mengelakkan pencemaran air," katanya.

Kabat pula berkata, ramalan bahawa Malaysia dan negara Asia lain dijangka menghadapi krisis bekalan air menjelang tahun 2050 berikutan pertumbuhan penduduk di rantau ini, memerlukan pihak berkaitan segera mencari penyelesaian dan inisiatif untuk mengatasi masalah berkenaan.

## Perlu banyak bekalan air

"Rantau ini perlukan lebih banyak bekalan air, berbanding antara kira-kira 65 hingga 75 peratus daripada sumber air global. Lebih 70 peratus air di rantau Asia kini digunakan untuk mengairi kawasan pertanian berikutan permintaan tinggi terhadap sumber makanan," katanya.

Kabat juga menjangka, dunia berdepan cabaran lebih besar untuk membekalkan air kerana penduduk diramal bertambah sebanyak dua bilion, termasuk 1.2 bilion di Asia dan memerlukan tambahan 70 peratus lagi makanan menjelang tahun yang sama.

"Pada masa ini, masih ada 20 peratus penduduk dunia yang tidak mendapat kemudahan air, elektrik dan kuasa hidro," katanya yang kemudian memuji Malaysia kerana menjadi antara negara yang mengenakan tarif air rendah di dunia.





## Penubuhan ICSC Petronas-Yayasan Sabah Komitmen Pulihara Alam Sekitar - Musa

KOTA KINABALU, 4 Julai (Bernama) -- Pembangunan Pusat Pembelajaran Kanyon Imbak (ICSC), usahasama Petronas dan Yayasan Sabah, membuktikan komitmen kerajaan negeri Sabah terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar, kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Pada masa sama, beliau berkata pusat tersebut membolehkan pengetahuan tentang kaedah terbaik dalam pemuliharaan alam sekitar dapat dikongsi bagi memacu pembangunan dan kemajuan negeri.

"Dari segi jangka panjang, ICSC akan melahirkan lebih ramai saintis dan pakar kajian alam sekitar tempatan yang mampu mencipta formula terbaik bagi mengelakkan kepupusan flora dan fauna.

"ICSC dijangka mempunyai skala dan kemudahan yang lebih besar daripada Lembah Danum dan Lembangan Maliau," katanya ketika melancarkan projek ICSC di sini Jumaat.

Ketua Menteri yakin ICSC bernilai RM77 juta itu akan menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang penyelidikan, latihan dan pendidikan seperti Lembah Danum yang kini terkenal di dunia.

Oleh itu, Musa berharap [Akademi Sains Malaysia](#) akan turut terlibat untuk jangka masa yang panjang di Kanyon Imbak seperti The Royal Society, United Kingdom yang telah membantu membangunkan penyelidikan, latihan dan pendidikan di Lembah Danum sejak 30 tahun lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Shamsul Azhar Abbas berkata usahasama Petronas dan Yayasan Sabah dalam pembangunan ICSC merupakan fasa kedua dalam Kerjasama Konservasi Kanyon Imbak Petronas-Yayasan Sabah.

Katanya, Petronas menyediakan pembiayaan kos pembinaan ICSC sebanyak RM77 juta sementara Yayasan Sabah bertanggungjawab memantau semua aktiviti pembinaan yang dijangka mengambil masa sehingga penghujung 2016, termasuk aspek pengurusan ICSC apabila siap kelak.

Beliau berkata ICSC akan dilengkapi makmal penyelidikan, kuarters, bilik seminar, taman hutan hujan, pusat pendidikan persekitaran dan kemudahan lain.

-- BERNAMA



**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (LENSA) : MUKA SURAT 12  
TARIKH: 05 JULAI 2014 (SABTU)**



*Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama Datuk Seri Nurmala Abdul Rahim (kiri) dan Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (kanan) menyaksikan Datuk Dr Choo Yuen May menerima Sijil ISO 27001 ISMS bagi "Information Security Managemant System Operation of MPOB Data Center Operation" oleh Pengarah Urusan, SIRIM QAS International Sdn Bhd, Pn Khalidah Mustapha.*